

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HGF 323 Kajiklim

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Atmosfera merupakan satu agen yang mengangkut tenaga, jisim dan momentum. Bincangkan kaitan proses pengangkutan tersebut kepada Peredaran Am di atmosfera.
[25 markah]
2. Bincangkan pola-pola taburan tekanan dan angin sedunia dan terangkan implikasinya terhadap imbalan bahangan sedunia.
[25 markah]
3. Bincangkan keadaan cuaca yang berkaitan dengan fenomena siklon dan antisiklon di kawasan garis lintang pertengahan.
[25 markah]
4. [a] Bandingkan Sistem Pengelasan Iklim Koeppen dan Sistem Pengelasan Iklim Thornthwaite.
[12.5 markah]
[b] Beri satu ulasan tentang kesesuaian kedua-dua sistem ini di dalam pengelasan iklim pada masa sekarang.
[12.5 markah]

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. Berdasarkan contoh-contoh dan gambarajah-gambarajah yang sesuai, huraikan bagaimana seni bina rumah dan bangunan di merata tempat di dunia dipengaruhi oleh unsur-unsur cuaca dan iklim. [25 markah]
6. [a] Apakah yang difahamkan dengan istilah "pemanasan Global"? [5 markah]
- [b] Huraikan sebab-sebab fenomena tersebut berlaku. [10 markah]
- [c] Bincangkan cara-cara untuk mengatasi fenomena itu. [10 markah]
7. [a] Kenapakah unsur-unsur cuaca dan iklim perlu dianggap sebagai sumber alam? [10 markah]
- [b] Bincangkan bagaimana manusia dapat menggunakan unsur-unsur cuaca dan iklim sebagai sumber. [15 markah]
8. Bincangkan kenapa dan bagaimana unsur-unsur cuaca dan iklim di pusat bandaraya Kuala Lumpur berbeza dari kawasan luar bandar atau desa. [25 markah]

-ooooOOOoooo-